



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan (Akaun Amanah) dilaksanakan dengan teratur mengikut Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang yang ditandatangani.

 **Jumlah
Semakan**
RM21.34 juta

APA SEPATUTNYA



- Sumbangan Hasil Akaun Amanah dikutip mengikut perjanjian yang ditandatangani.



- Penalti/Ta'widh dikenakan kepada syarikat pemaju dan dikutip mengikut perjanjian yang ditandatangani.

APA YANG BERLAKU

- » • **RM18.54 juta**

Tunggakan Sumbangan Hasil Akaun Amanah tidak dikutip sehingga tahun 2021.

- » • **RM4.32 juta**

Penalti/Ta'widh tidak dikutip sehingga tahun 2021.

**KERUGIAN
RM22.86 JUTA**

Kelemahan kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah telah memberi kesan terhadap pembayaran dividen kepada peserta program ladang rakyat dan menyebabkan objektif penubuhan Akaun Amanah tidak tercapai sepenuhnya.

RUMUSAN AUDIT

Kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah dan penalti/ta'widh tidak dilaksanakan dengan teratur mengikut Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang yang ditandatangani antara syarikat pemaju dan PPLRNK.

3
**SYOR
AUDIT**

PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN

2. SUMBANGAN HASIL PROJEK PENGUSAHAAN PROGRAM LADANG RAKYAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN

FAKTA UTAMA

RM18.54 Juta	RM4.32 Juta	4,713 Peserta
Tunggakan Sumbangan Hasil Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan hingga 31 Disember 2021	Penalty/Ta'widh yang belum dikutip daripada syarikat pemaju hingga 31 Disember 2021	Jumlah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan hingga 31 Disember 2021

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) telah ditubuhkan pada 27 April 2006 melalui Enakmen No. 2, Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan. Antara fungsi PPLRNK ialah membangunkan Program Pembangunan Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan yang dijalankan di atas tanah Kerajaan di seluruh negeri. PPLRNK selaku agensi Kerajaan negeri telah merangka dasar dan strategi pembangunan ladang dengan pulangan hasil yang maksimum bagi membolehkan PPLRNK menyalurkan hasil tersebut kepada peserta ladang. Antara matlamat PPLRNK ialah meningkatkan sosioekonomi negeri dan taraf hidup penduduk negeri Kelantan serta mengurangkan kadar kemiskinan rakyat negeri Kelantan melalui sektor perladangan.

1.2. Setakat 31 Disember 2021, sebanyak 12 syarikat pemaju telah menandatangani Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang bersama PPLRNK melalui Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengusahakan projek perladangan seperti kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran. Keseluruhan kawasan yang terlibat adalah 71,737.6 ekar di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah.

1.3. Syarikat pemaju dikehendaki membuat bayaran sumbangan hasil projek pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan kepada PPLRNK secara tahunan. Bayaran sumbangan pertama perlu dijelaskan pada tarikh perjanjian ditandatangani. Manakala bayaran seterusnya perlu dibayar secara tahunan mengikut tarikh perjanjian (Anniversary Date of The First Payment) yang ditandatangani oleh syarikat pemaju. Sekiranya syarikat pemaju gagal membuat bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh bayaran tahunan, caj penalti/ta'widh sebanyak 8% akan dikenakan.

1.4. Bagi mengakaunkan terimaan sumbangan hasil ini, PPLRNK telah menubuhan Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan (Akaun Amanah)

di bawah seksyen 29(1)[Pindaan] Enakmen PPLRNK 2006. Perenggan 8 kepada Arahan Amanah menyatakan akaun ini hendaklah dikreditkan dengan wang dari sumber-sumber berikut:

- a. sumbangan tetap (Annual Consideration) secara tahunan dari syarikat pemaju hasil dari pemajuan Ladang Rakyat;
- b. sumbangan lain daripada syarikat pemaju selain daripada ‘Annual Consideration’;
- c. apa-apa terimaan yang diperolehi daripada urusan berkaitan tanah dan operasi ladang rakyat; dan
- d. wang sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta, persatuan, pertubuhan antarabangsa atau tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan.

1.5. Sumbangan yang diterima melalui Akaun Amanah ini pula akan dibahagikan kepada peserta program ladang rakyat di kalangan penduduk negeri Kelantan dalam bentuk bayaran dividen dengan jumlah RM200 sebulan. Pada tahun 2021, seramai 4,713 peserta program ladang rakyat telah dipilih daripada golongan miskin menerusi senarai bancian Penggawa yang dikemukakan oleh Ketua Jajahan dan melalui Penghulu yang dikemukakan oleh Wakil Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan. Senarai peserta tersebut akan ditapis dan diluluskan dalam Mesyuarat PPLRNK.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan sumbangan hasil projek pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan dilaksanakan dengan teratur mengikut Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang yang ditandatangani.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan bagi menentukan kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah yang melibatkan Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang antara 12 syarikat pemaju adalah menepati kehendak klausa 5 ‘Annual Consideration’ di dalam perjanjian yang ditandatangani.

3.2. Sampel yang diaudit meliputi 102 resit berjumlah RM21.34 juta bagi sumbangan Akaun Amanah yang diterima bagi tahun 2019 hingga 2021. Analisis terimaan berdasarkan tahun sumbangan juga dibuat bagi mengesahkan baki tunggakan sumbangan tahunan syarikat pemaju berjumlah RM18.54 juta.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen kontrak, dokumen perjanjian, lejar syarikat pemaju dan bank Akaun Amanah. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi semasa proses pengauditan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Januari hingga Mac 2022. Maklum balas daripada PPLRNK telah diterima pada 11 Mei 2022 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 13 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Tunggakan Sumbangan Hasil Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan Sejumlah RM18.54 Juta Tidak Dikutip

4.1.1. Kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah terdiri daripada sewaan mengikut tempoh dan kadar keluasan kawasan yang telah dipersetujui melalui perjanjian yang telah ditandatangani antara syarikat pemaju dan PPLRNK. Bagaimanapun, terdapat pengurangan atau pertambahan kawasan penanaman yang dipersetujui oleh PPLRNK disebabkan faktor topografi kawasan ladang. Amaun sumbangan Akaun Amanah yang perlu dijelaskan oleh syarikat pemaju mengikut keluasan sebenar kawasan penanaman bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM11.57 juta seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SUMBANGAN HASIL AKAUN AMANAH PESERTA PROJEK
PENGUSAHAAN PROGRAM LADANG RAKYAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN
MENGIKUT KELUASAN SEBENAR YANG PATUT DITERIMA BAGI TAHUN 2021

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	KELUASAN MENGIKUT KONTRAK (EKAR)	KELUASAN PENANAMAN SEBENAR (EKAR)	KADAR SEEKAR (RM)	SUMBANGAN HASIL PATUT TERIMA TAHUN 2021 (RM Juta)
1.	398126-V	8,065.5	7,290.0	285	2.08
2.	159470-A	8,991.7	8,078.5	225	1.82
3.	778415-T	6,716.2	5,536.0	300	*1.58
4.	737040-H	5,587.0	5,252.2	300	1.57
5.	601452-V	4,981.0	4,981.0	300	1.49
6.	57894-P	3,859.7	3,429.0	250	0.86
7.	553068-H	15,000.0	3,500.0	200	0.70
8.	956074-A	3,272.0	3,271.7	180	0.59
9.	797880-D	1,316.0	1,455.7	270	0.39
10.	742516-X	1,949.6	1,479.0	220	0.33
11.	277341-D	718.4	718.4	225	0.16
12.	762196-T	11,280.5	7,042.4	300	**0.00
JUMLAH		71,737.6	52,033.9		11.57

Sumber: Dokumen perjanjian, Laporan Lejar Syarikat dan Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Nota: (*) - Jumlah sumbangan yang patut diterima tahun 2021 dinyatakan setelah ditolak bayaran Cukai Taksiran Tahun 2021 sebanyak RM0.08 juta yang dibayar oleh pihak syarikat pemaju

(**) - Sumbangan hasil Akaun Amanah bagi syarikat 762196-T tidak dikenakan pada tahun 2021 berdasarkan Perintah Persetujuan Mahkamah Tinggi bertarikh 15 September 2021

4.1.2. Merujuk kepada Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang, klaus 5 ‘Annual Consideration’, syarikat pemaju dikehendaki membayar sumbangan hasil Akaun Amanah kepada PPLRNK secara tahunan. Bayaran sumbangan pertama perlu dijelaskan pada tarikh perjanjian ditandatangani. Manakala bayaran seterusnya perlu dibayar secara tahunan mengikut tarikh perjanjian (Anniversary Date of The First Payment) yang ditandatangani oleh syarikat pemaju.

4.1.3. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6, Pengurusan Akaun Belum Terima menyatakan semua pemungut termasuk Badan Berkanun yang mengutip hasil bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk Akaun Belum Terima selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.

4.1.4. Semakan Audit terhadap transaksi terimaan bagi tahun 2021 mendapati PPLRNK telah menerima sumbangan hasil Akaun Amanah daripada syarikat pemaju bagi tahun semasa dan tunggakan tahun terdahulu sejumlah RM13.09 juta. Semakan Audit terhadap penyata bank, lejar bank, lejar am dan rekod sumbangan Akaun Amanah mendapati tiga syarikat pemaju telah menjelaskan semua bayaran sumbangan tahunan mengikut perjanjian yang ditetapkan berjumlah RM0.88 juta. **Bagaimanapun, sembilan syarikat pemaju masih mempunyai tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah sehingga tahun 2021 berjumlah RM18.54 juta.** Maklumat lanjut tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TUNGGAKAN SUMBANGAN HASIL AKAUN AMANAH PESERTA PROGRAM
LADANG RAKYAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	BAKI TUNGGAKAN DARI TAHUN 2015 SEHINGGA 2020	AMAUN SUMBANGAN PATUT DITERIMA 2021	JUMLAH SUMBANGAN YANG DITERIMA DALAM TAHUN 2021	TUNGGAKAN SEHINGGA 31.12.2021
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
		(a)	(b)	(c)	(d) = (a+b-c)
1.	762196-T	5.94	*0.00	0.00	5.94
2.	778415-T	2.82	1.57	0.47	3.92
3.	398126-V	4.62	2.08	4.51	2.19
4.	601452-V	1.05	1.49	0.40	2.14
5.	159470-A	2.12	1.82	2.12	1.82
6.	553068-H	1.12	0.70	0.91	0.91
7.	57894-P	1.43	0.86	1.43	0.86
8.	956074-A	0.59	0.59	0.72	0.46
9.	737040-H	0.38	1.57	1.65	0.30
10.	797880-D	0.00	0.39	0.39	0.00
11.	277341-D	0.00	0.16	0.16	0.00
12.	742516-X	0.00	0.33	0.33	0.00
JUMLAH		20.07	11.56	13.09	18.54

Sumber: Laporan Lejar Syarikat dan Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Nota: (*) - Sumbangan hasil Akaun Amanah bagi syarikat 762196-T tidak dikenakan pada tahun 2021 berdasarkan Perintah Persetujuan Mahkamah Tinggi bertarikh 15 September 2021

4.1.5. Berdasarkan analisis Audit terhadap Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan, pihak Audit mendapati tempoh tunggakan adalah sejak tahun 2015 sehingga 2021. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
TEMPOH TUNGGAKAN SUMBANGAN HASIL AKAUN AMANAH PESERTA
PROGRAM LADANG RAKYAT KERAJAAN NEGERI KELANTAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	TAHUN TUNGGAKAN	BILANGAN SYARIKAT	AMAUN TUNGGAKAN (RM Juta)
1.	Kurang dari 1 tahun	9	8.58
2.	1 – 5 tahun	6	9.66
3.	6 tahun ke atas	1	0.30
JUMLAH			18.54

Sumber: Laporan Lejar Syarikat dan Akaun Amanah Peserta Program Ladang Rakyat Negeri Kelantan

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan PPLRNK hanya mengeluarkan surat peringatan terhadap kelewatan bayaran sumbangan kepada syarikat pemaju. Bagaimanapun, tiada tindakan undang-undang dan penguatkuasaan klausa perjanjian seperti yang telah ditandatangani oleh syarikat pemaju.

4.1.7. Kesan daripada kegagalan pihak PPLRNK mengutip tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan sejumlah RM18.54 juta dan seterusnya memberi kesan kepada agihan pembayaran dividen kepada peserta ladang rakyat.

4.1.8. Semakan Audit terhadap Maklumat Statistik Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan dan lejar bank sumbangan Akaun Amanah mendapati PPLRNK telah menerima sumbangan dana daripada Kerajaan negeri berjumlah RM5.67 juta. Sumbangan ini disalurkan oleh Kerajaan negeri atas permohonan oleh PPLRNK untuk pembayaran dividen peserta bagi bulan Januari hingga Jun 2020 berjumlah RM5.64 juta. Ini disebabkan oleh baki Akaun Amanah yang ada tidak mencukupi untuk menampung pembayaran dividen kepada peserta bagi tempoh tersebut. Maklumat lanjut Statistik Peserta Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan dan jumlah bayaran dividen kepada peserta program ladang rakyat bagi tahun 2020 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATISTIK PESERTA PROGRAM LADANG RAKYAT KERAJAAN
NEGERI KELANTAN DAN JUMLAH BAYARAN DIVIDEN KEPADA
PESERTA PROGRAM LADANG RAKYAT BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2021

TAHUN	TEMPOH	TARIKH BAYARAN DIVIDEN	BILANGAN PESERTA	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
2020	Januari - Jun	Januari & Februari 2021	4,697	5.64
	Julai - Disember	April 2021	4,696	5.63

TAHUN	TEMPOH	TARIKH BAYARAN DIVIDEN	BILANGAN PESERTA	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
2021	Januari - Mac	Julai 2021	4,713	2.83
	April - Jun	Disember 2021	4,713	2.83
	Julai - Disember	Bayaran dividen kepada peserta belum dibuat		
JUMLAH				16.93

Sumber: Penyata Bank dan Laporan Lejar Am Bank Akaun Amanah PPLRNK

Maklum Balas PPLRNK pada 11 Mei 2022

Antara tindakan PPLRNK untuk menyelesaikan isu tunggakan hutang ialah dengan menujuhan *Task Force* (Debt Management). Mesyuarat *Task Force* (Debt Management) Bil. 1/2022 telah bersidang pada 23 Januari 2022 dan Bil. 2/2022 pada 30 Januari 2022 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Exco Kerjaya, Infrastruktur, Pengangkutan & Utiliti bersama Peguam Panel PPLRNK. Rundingan dan perbincangan bersama syarikat pemaju bagi menyelesaikan isu hutang tertunggak turut dibuat. PPLRNK juga perlu mengambil kira situasi luar jangka yang dihadapi oleh pihak syarikat pemaju seperti kekurangan tenaga pekerja akibat daripada pandemik Covid-19. Faktor cuaca yang tidak menentu juga mempengaruhi pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS). Selain itu, PPLRNK juga perlu menjaga hubungan baik yang sedia terjalin dengan syarikat pemaju untuk jangka masa panjang sebelum mengambil tindakan menamatkan Perjanjian memandangkan pihak syarikat pemaju ada membuat bayaran secara ansuran kepada PPLRNK walaupun bukan secara sekali gus.

Pernyataan Audit **Tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah sehingga 31 Disember 2021 adalah sejumlah RM18.54 juta. Ini telah memberi kesan terhadap pembayaran dividen kepada peserta program ladang rakyat dan menyebabkan objektif penubuhan Akaun Amanah tidak tercapai sepenuhnya. Tunggakan sumbangan hasil Akaun Amanah yang tidak dikutip juga merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

4.2. Penalty/Ta'widh Sejumlah RM4.32 Juta Tidak Dikutip

4.2.1. Klausu 5 ‘Annual Consideration’ di dalam Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang menyatakan pihak PPLRNK mempunyai hak untuk mengenakan penalty/ta’widh ke atas kelewatan bayaran sumbangan hasil sebanyak 8% setahun daripada baki tunggakan bayaran. Caj penalty/ta’widh akan dikenakan terhadap syarikat pemaju sekiranya sumbangan masih belum dijelaskan selepas 14 hari daripada tarikh tamat bayaran tahunan. Bagi sumbangan yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dan tertakluk kepada kenaan penalti, satu notis hendaklah dikeluarkan dalam tempoh dua bulan selepas tamat tempoh sumbangan dikenakan. Jika syarikat pemaju masih gagal menjelaskan bayaran, PPLRNK berhak untuk menamatkan perjanjian.

4.2.2. Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian, jadual sumbangan Akaun Amanah dan fail syarikat mendapati lapan daripada **12 syarikat pemaju yang terlibat dengan Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan lewat menjelaskan sumbangan dalam tempoh yang ditetapkan**. Penalti/ta'widh sebanyak 8% ke atas baki terkumpul telah dikenakan kepada syarikat tersebut. Bagaimanapun, PPLRNK masih belum menerima bayaran penalti yang dikenakan kepada syarikat. **Sehingga 31 Disember 2021, tunggakan penalti/ta'widh belum dapat dikutip adalah berjumlah RM4.32 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
TUNGGAKAN PENALTI/ TA'WIDH TIDAK DIKUTIP
DARIPADA SYARIKAT PEMAJU SEHINGGA TAHUN 2021

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	PENALTI/TA'WIDH BAGI TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	SEHINGGA 2019 (RM Juta)	
1.	398126-V	0.13	0.17	1.40	1.70
2.	762196-T	0.00	0.21	0.81	1.02
3.	57894-P	0.00	0.03	0.38	0.41
4.	601452-V	0.11	0.15	0.10	0.36
5.	553068-H	0.01	0.06	0.25	0.32
6.	778415-T	0.01	0.13	0.17	0.31
7.	737040-H	0.00	0.00	0.16	0.16
8.	956074-A	0.01	0.03	0.00	0.04
JUMLAH		0.27	0.78	3.27	4.32

Sumber: Dokumen Perjanjian, Jadual Sumbangan Akaun Amanah dan Fail Syarikat Program Ladang Rakyat.

4.2.3. Tunggakan penalti/ta'widh tidak dapat dikutip disebabkan PPLRNK tidak mengambil tindakan undang-undang dan menguatkuasakan klausa perjanjian seperti yang telah ditandatangani oleh syarikat pemaju.

4.2.4. Kesannya, PPLRNK gagal mengutip hasil daripada penalti/ta'widh yang dikenakan ke atas syarikat pemaju yang gagal menyelesaikan sumbangan hasil dalam tempoh yang ditetapkan dan merupakan kerugian kepada Kerajaan sejumlah RM4.32 juta.

Maklum Balas PPLRNK pada 11 Mei 2022

PPLRNK sentiasa mengemukakan jumlah hutang terkini kepada Mesyuarat Lembaga PPLRNK untuk membincangkan mengenai tindakan susulan bagi mengutip hutang tertunggak. PPLRNK juga sentiasa menghantar notis peringatan kepada syarikat pemaju iaitu sebulan awal daripada tarikh matang. Notis peringatan tersebut turut menyatakan mengenai jumlah hutang tertunggak, bayaran semasa dan penalti yang perlu dijelaskan sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian. PPLRNK juga telah meminta pihak

Peguam Panel PPLRNK menghantar notis tuntutan kepada syarikat pemaju yang mempunyai hutang tertunggak. Hasil tindakan yang diambil oleh PPLRNK melalui *Task Force* dan notis tuntutan, pihak syarikat pemaju telah mengemukakan jadual bayaran bagi menjelaskan hutang tertunggak.

Pernyataan Audit | **Tuggakan penalti/ta'widh yang gagal dikutip menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan berjumlah RM4.32 juta.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa kutipan sumbangan hasil Akaun Amanah tidak dilaksanakan dengan teratur mengikut Perjanjian Pembangunan Tanah Ladang yang ditandatangani. Tuggakan sumbangan hasil Akaun Amanah sejumlah RM18.54 juta telah memberi kesan kepada pembayaran dividen kepada peserta ladang rakyat dan menyebabkan objektif penubuhan Akaun Amanah tidak tercapai sepenuhnya. Sumbangan Kerajaan negeri telah digunakan untuk menampung pembayaran dividen kepada peserta program ladang rakyat. Ini disebabkan kutipan sumbangan hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan tidak teratur mengikut perjanjian yang telah ditandatangani antara syarikat pemaju dan PPLRNK.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan perjanjian dan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. memperkemaskan dan mewujudkan proses kerja tindakan terhadap syarikat pemaju yang gagal membayar sumbangan hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan;
- 6.2. mengkaji semula mekanisme kutipan sumbangan hasil Projek Pengusahaan Program Ladang Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan secara komprehensif; dan
- 6.3. mengambil tindakan undang-undang dan menguatkuasakan klausa perjanjian seperti yang telah ditandatangani oleh syarikat pemaju.